

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PERINGKAT BAKAT PU LABUAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3131-kursus-pengurusan-jenazah-peringkat-bakat-pu-labuan

LABUAN, 4 Mac 18 - Pangkalan Udara Labuan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Peringkat BAKAT Udara Labuan Siri 1/18 bertempat di Masjid Saad Abi Waqas, Pangkalan Udara Labuan.

Kursus yang dianjurkan bersama antara Pejabat Agama Pangkalan dan BAKAT Udara Labuan itu telah dihadiri oleh 110 ahli BAKAT dan turut disertai oleh Pengerusi BAKAT Labuan, Datin Hasnah binti Andik.

Dalam ucapan penutupnya, beliau begitu berbangga dengan penyertaan ahli BAKAT yg ramai dalam kursus yang dianjurkan. Beliau juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pembimbing Jemputan Ustazah Hajah Rohana binti Abd Kahar yg memberi tunjuk ajar yang baik di sepanjang kursus tersebut.

